

Bil. S 9

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2009/2010) (BIL. 5), 2010

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 56/09) bertarikh 24 haribulan November, 2009 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat ribu sembilan ratus lapan puluh lima juta, tujuh ratus lapan puluh lima ribu, enam ratus ringgit (\$4,985,785,600.00) telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan (2009/2010), 2009 (Akta 1 tahun 2009);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga puluh juta ringgit (\$30,000,000.00) telah diperuntukkan melalui Perintah Perbekalan Tambahan (2009/2010) (Bil. 1), 2009 (S 41/09);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh tiga juta, dua ratus sebelas ribu dan lapan ratus empat puluh enam ringgit (\$23,211,846.00) telah diperuntukkan melalui Perintah Perbekalan Tambahan (2009/2010) (Bil. 2), 2009 (S 53/09);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang satu ratus lima puluh empat juta, enam ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (\$154,692,000.00) telah diperuntukkan melalui Perintah Perbekalan Tambahan (2009/2010) (Bil. 3), 2010 (S 3/10);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga ratus empat puluh juta, dua ratus lima puluh enam ribu ringgit (\$340,256,000.00) telah diperuntukkan melalui Perintah Perbekalan Tambahan (2009/2010) (Bil. 4), 2010;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tiga puluh lapan juta, enam ratus enam puluh satu ribu, sembilan ratus dua puluh satu ringgit dan empat puluh tiga sen (\$38,661,921.43);

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2009/2010) (Bil. 5), 2010.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2009/2010, peruntukan dan penggantian jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga puluh lapan juta, enam ratus enam puluh satu ribu, sembilan ratus dua puluh satu ringgit dan empat puluh tiga sen (\$38,661,921.43) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2009/2010, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2009/2010), 2009 (Akta 1 tahun 2009), Perintah Perbekalan Tambahan (2009/2010) (Bil. 1), 2009 (S 41/09), Perintah Perbekalan Tambahan (2009/2010) (Bil. 2), 2009 (S 53/09), Perintah Perbekalan Tambahan (2009/2010) (Bil. 3), 2010 (S 3/10) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2009/2010) (Bil. 4), 2010 adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

(3) Penggantian jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang ketiga bagi jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang keempat dari Jadual ialah jumlah-jumlah wang yang didahulukan dari Kumpulanwang Luarjangka yang diwujudkan di bawah bab 10(1) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) adalah dengan ini dibenarkan.

JADUAL

[1] Tajuk	[2] Gelaran	[3] Jumlah Yang Diperuntukkan kepada Tajuk	[4] Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Luarjangka
	KEMENTERIAN PERTAHANAN		
SB01A	Jabatan Kementerian Pertahanan	\$6,041,418.00	\$6,041,418.00
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN		
SF01A	Jabatan Kementerian Pendidikan	\$15,128,293.43	\$15,128,293.43
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN		
SK03A	Jabatan Kerja Raya	\$14,866,000.00	\$14,866,000.00
	KEMENTERIAN KESIHATAN		
SM02A	Jabatan Perkhidmatan Perubatan	\$2,626,210.00	\$2,626,210.00
		\$38,661,921.43	\$38,661,921.43

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 1 haribulan Februari, 2010 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM